

## **I-VCAP dapat kelulusan urus dana Islam**

**I**-VCAP Management Sdn Bhd semalam mengumumkan ia mendapat kebenaran Suruhanjaya Sekuriti untuk beroperasi sebagai syarikat pengurusan dana Islam.

Sebagai pengurus kepada Dana Diniagakan di Bursa (ETF) yang mematuhi Syariah pertama di Asia, dikenali sebagai MyETF Dow Jones Islamic Market Malaysia Titans 25 (MyETF-DJIM25), syarikat itu beroperasi di bawah lesen untuk perkhidmatan pengurusan dana am.

I-VCAP melaksanakan aktiviti pengurusan dana Islam secara eksklusif sejak penubuhannya pada 2007.

Ketua Eksekutifnya, Zainal Izlan Zainal Abidin, berkata matlamat perniagaan syarikat dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan dana Islam didorong oleh aspirasinya untuk memenuhi permintaan dalam segmen industri pengurusan dana yang pihaknya percaya masih kecil dilaksanakan.

"Ia mencerminkan keyakinan syarikat dalam saiz potensi dan pertumbuhan segmen pengurusan dana yang mematuhi Syariah," katanya.

Beliau berkata, tumpuan syarikat dalam membangunkan perniagaan pengurusan dana Islam adalah konsisten dengan usaha kerajaan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam utama.